MUHAMMAD HADI BIN MD MELAYONG

Melayu Islam Beraja: Asas Perpaduan Hidup Bermasyarakat dan Bernegara di Brunei Darussalam

***RESUME**: Kertas kerja ini membincangkan secara ringkas takrifan MIB (Melayu Islam Beraja) serta memperlihatkan senerio perkembangan dan cabaran yang dilalui sejak 600 tahun yang lalu. Dalam era globalisasi masa kini, amalan MIB masih terus dipertahankan, terutamanya di kalangan golongan generasi muda masa kini yang perlu mengamal dan mengekalkan warisan tradisi lama ini sebagai satu sumber kesejahteraan dan kemakmuran kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Dalam hal itu, Wawasan Negara 2035 telah menggariskan matlamat dan visi yang hendak dicapai oleh negara yang bersandarkan kepada nilai-nilai hidup MIB dengan penekanan kepada pendidikan Agama Islam. Hal ini selaras dengan titah Baginda Sultan bahawa kita perlu mengukuhkan pendidikan agama Islam bagi melahirkan orang Melayu yang mempunyai jatidiri yang tulin, supaya perjalanan yang kita tujui lebih terarah dan selamat. Pembentukan dan pengasuhan golongan muda dengan nilai ke-Brunei-an yang beracuan "calak ke-Brunei-an", khususnya melalui Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21, adalah merupakan salah satu cara untuk mengekalkan warisan bangsa Melayu Brunei. Masyarakat Brunei Darussalam yakin bahawa dalam kehidupan dunia masa kini, yang tanpa mempunyai batasan akibat dari ledakan teknologi maklumat, maka kita tidak punya pilihan melainkan bersedia menghadapi semua cabaran, akibat dari penyebaran maklumat yang senantiasa terbuka luas, dengan nilai-nilai MIB.*
***KATA KUNCI**: Melayu Islam Beraja, falsafah negara, warisan tradisi, nilai-nilai murni, negara Brunei Darussalam, dan cabaran semasa.*

***ABSTRACT**: "Malay Islamic Monarchy: Basic Unity of the Social and State Life in Brunei Darussalam". The paper briefly discusses the definition of MIB or "Melayu Islam Beraja" (Malay Islamic Monarchy) and saw the senerio of developments and challenges faced 600 years ago. In the era of globalization, the practice MIB still defended, especially among the younger generation to adopt and maintain a long tradition of this heritage as a source of peace and prosperity in the social and state life. In that case, the National Vision of 2035 outlines the goals and the vision to be achieved by the country based on the values of MIB with an emphasis on Islamic education. This is in line with the statement of His Majesty Sultan that we need to strengthen the Islamic education to produce Malays who have a real identity, so that the journey that we move more targeted and safe. Educating and training the young people with the Brunei's values based on the "calak ke-Brunei-an" (Bruneian smart and noble character), particularly through the National Education System of the 21st Century, is one way to preserve the heritage of the Brunei Malays. People of Brunei Darussalam convinced that in the present life, which there is without limitation as a result of the explosion of information technology, then we have no choice but to be ready to face all challenges, as a result of the dissemination of information that is always wide open, with the values of MIB.*
***KEY WORD**: Malay Islamic Monarchy, the national philosophy, traditional heritage, good values, Brunei Darussalam state, and current challenges.*

PENDAHULUAN

Sejarah adalah merupakan sandaran dan rujukan utama bagi membuktikan kewujudan ketamadunan sesebuah negara. Bagi negara Brunei Darussalam, sejarah amat penting sekali untuk dijadikan panduan dan tauladan dalam mengekalkan dan mengamalkan warisan tradisi bangsa yang dimiliki sejak ratusan tahun, iaitu apabila wujud pemerintahan kesultanan Melayu Islam di bumi Brunei pada tahun 1368 Masehi (Awg Yahya bin Haji Ibrahim, 2000). Warisan tradisi ini terus dipertahankan, walaupun sentiasa

Dr. Muhammad Hadi bin Md Melayong ialah Penjawat di Jabatan Sekretariat Majlis Tertinggi MIB (Melayu Islam Beraja) di Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik dan penyelidikan, penulis boleh dihubungi secara terus melalui emel di: hadi539@gmail.com dan sekretariat.mtmib@ubd.edu.bn

menghadapi cabaran, sama ada dari dalam mahupun dari luar negara, sejak kedatangan kuasa-kuasa Barat pada awal abad ke-16 Masehi sehinggalah ke era globalisasai masa kini.

Seperti juga negara-negara lain di Asia Tenggara, Brunei tidak terkecuali dari proses perjuangan untuk pembentukan semula sebuah negara-bangsa yang berdaulat dan merdeka selepas Perang Dunia II (1939-1945). Asas ataupun landasan ke arah pembinaan sebuah negara-bangsa yang merdeka, yang menjadi tunjang kepada perpaduan dan penyatuan hidup rakyat dan penduduk negara Brunei Darussalam, ialah MIB (Melayu Islam Beraja) yang merupakan warisan murni yang diwarisi dari zaman berzaman (Haji Ahmad, 1989; dan Awang Mohd Jamil al-Sufri, 1992).

Komponen yang paling tua yang diamal oleh masyarakat Brunei ialah sistem beraja dan budaya Melayu yang berusia melebihi dari seribu tahun yang lalu. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan sistem beraja dan salah sebuah negara tertua di dunia, dan juga di kepulauan Borneo, rakyat dan penduduk negara Brunei Darussalam yakin bahawa sistem ini masih relevan dan boleh terus dipertahankan bagi mengekalkan status Brunei sebagai sebuah negara MIB (Melayu Islam Beraja), sebagaimana yang telah dititahkan pada 27 *Rabiulawal* 1404 *Hijriah*, bersamaan 1 Januari 1984 Masehi, seperti yang terkandung dalam Titah Pengisytiharan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam:

> [...] Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah *Subhanahu Wata'ala* akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat, dan demokratik, bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut *Ahli Sunnah Waljama'ah* (dalam JP Brunei Darussalam, 2009).

Cara penghidupan Melayu Islam Beraja ini telah dihuraikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, seperti berikut:

> Dari tiga rangkai kata, Melayu Islam Beraja, terdapat unsur-unsur atau nilai-nilai yang positif untuk ketahanan negara, umpamanya dari Melayu itu ialah bahasanya. Siapapun tak boleh menyangkal bahawa Bahasa Melayu itu adalah satu-satunya alat perpaduan kita yang paling efektif. Tanpa bahasa ini, kita tentunya tidak akan dikenali sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi mempunyai identiti. Demikian juga Islam, ialah ugama yang menjamin seluruh kepentingan rakyat dan penduduk dengan tidak mengira apa jua ugama, suku, kaum, dan keturunan. Pendeknya, ugama Islam adalah jaminan keselamatan dan kesejahteraan untuk semua. Kerana itu tidak siapa perlu takut atau ragu mengenainya. Sementara perkataan Beraja pula adalah menunjukkan kepada kerajaan yang ber-Sultan atau Beraja yang sudah wujud dan menjadi warisan zaman semenjak dari beberapa abad lagi (dalam JP Brunei Darussalam, 2009).

MENGENAI MELAYU, ISLAM, DAN BERAJA

Bangsa Melayu di Brunei Darussalam adalah terdiri daripada puak-puak jati bangsa Melayu, iaitu Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut, dan Tutong yang berdasarkan kepada Akta Taraf Kebangsaan 1961. Budaya Melayu adalah merupakan alat perpaduan pemimpin dan rakyat yang secara langsung telah membolehkan negara ini bertahan dan hidup, dan seterusnya bagi survival masa depan negara Brunei Darussalam. Puak-puak Melayu mengamalkan dan mengekalkan nilai-nilai hidup tradisi yang berasaskan adat-istiadat, tata-susila, dan ajaran ugama Islam.

Sehingga kini, tradisi-tradisi tersebut diserapkan kedalam urusan pemerintahan negara, iaitu ketaatan kepada raja, agama, dan negara. Kehidupan yang berteraskan kepada adat-istiadat, tata-susila, dan saling hormat-menghormati telah mewujudkan masyarakat yang harmoni di negara Brunei Darussalam dalam menjaga kesempurnaan dan keutuhan adat-istiadat bangsa Brunei.

Islam pula adalah agama rasmi negara Brunei Darussalam menurut akidah *Ahlus Sunnah Waljama'ah, Mazhab Shafie,* yang dihayati menjadi cara hidup yang lengkap, sempurna, dan unggul sebagaimana tercatat dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959, serta pindaan tahun 2004 dan 2008. Penubuhan-penubuhan agensi-

agensi ugama seperti Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, dan perlaksanaan sistem pendidikan Islam dan sistem kehakiman dan keugamaan Islam merupakan aspek-aspek utama dalam melaksanakan warisan ini.

Penghormatan kepada hari-hari tertentu dalam kalendar Islam juga dilaksanakan, disamping mempastikan perkara-perkara seperti pembacaan Al-Qur'an sebelum bermulanya pekerjaan harian dan pembacaan doa bagi semua majlis-majlis, termasuk mesyuarat-mesyuarat, adalah juga dilaksanakan. Penyaluran melalui media-media elektronik, disamping pendidikan di sekolah-sekolah, juga turut menjadi penggerak pembangunan rohani semua masyarakat di negara Brunei Darussalam.

Sultan di dalam institusi Beraja memerintah dan menjadi ketua negara, dan seterusnya menjadi ketua pentadbir bagi pentadbiran dan pengurusan negara dan kerajaan. Kuasa Sultan yang telah dinyatakan dibawah Perlembagaan Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut:

> [...] Kuasa memerintah yang tertinggi bagi Negara Brunei Darussalam adalah terletak di dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan (dalam JP Brunei Darussalam, 2009).

Dengan adanya kuasa yang diamanahkan di bawah Perlembagaan Negara Brunei Darussalam kepada Baginda ini, maka adalah menjadi kewajipan Baginda Sultan bagi menjalankan dasar seperti yang telah dilakukan oleh Paduka Ayahanda Baginda, iaitu menfokuskan kepada kebajikan, kesejahteraan, serta keamanan rakyat dan penduduk. Ke arah itu, Baginda telah menekankan dan menggariskan ciri-ciri pentadbiran dan pengurusan jentera kerajaan yang perlu dilaksanakan bagi memenuhi hasrat Baginda dan hasrat negara bagi sebuah negara yang aman dan makmur.

Sejarah bangsa dan negara Brunei Darussalam telah menunjukkan bahawa bangsa Brunei telah menjadi suatu bangsa yang berupaya untuk menghadapi dan mengharungi segala rintangan pada masa lalu, dan untuk terus mara ke hadapan. Sistem pemerintahan beraja telah dapat membawa negara Brunei Darussalam mencapai matlamat-matlamatnya demi keutuhan hidup bermasyarakat dan bernegara.

Ke arah ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bersempena Sambutan Jubli Perak Baginda Menaiki Takhta pada 5 Oktober 1992, telah bertitah antara lain:

> […] jika kita teliti dan perhatikan dengan jujur, membuktikan bahawa sistem pemerintahan yang kita amalkan selama ini, yang telah berjalan sekian lama itu, adalah kukuh dan malahan berjaya membawa kebajikan kepada rakyat dan negara. Jadi, dari bukti yang ringkas ini, adalah cukup untuk memberikan jaminan dan keyakinan bahawa "sistem pemerintahan beraja" yang telah kita warisi dan pelihara itu telah berhasil menciptakan kebahagiaan dan keunggulan untuk negara Brunei Darussalam (dalam JP Brunei Darussalam, 2009).

Hubungan di antara Raja dan Rakyat adalah berasaskan kepada tanggungjawab timbal-balik, sebagaimana juga wawasan pemerintahan tradisi "Raja hendaklah adil, dan Rakyat janganlah menderhaka", dan sama-sama menunaikan amanah Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*).

Dalam era globalisasai masa kini, negara Brunei Darussalam, seperti juga negara-negara lain di dunia, tidak terkecuali daripada menghadapi cabaran dan hambatan arus perkembangan teknologi maklumat yang begitu pesat mempengaruhi cara hidup manusia sejagat. Globalisasi merupakan satu proses untuk meletakkan dunia di bawah satu unit yang sama, tanpa dibatasi oleh sempadan dan kedudukan geografi sesebuah negara. Melalui proses ini, dunia akhirnya tidak lagi mempunyai sempadan dengan ruang udara dan langit. Sesebuah negara itu mempunyai peluang yang luas untuk menerima pelbagai maklumat, yang disalurkan menerusi pelbagai perantaraan, khususnya media baru masa kini.

Perkembangan ini memudahkan manusia, terutamanya dalam perhubungan dan sebagainya, yang mempunyai kesan

positif dan juga negatif dalam kehidupan seharian. Misalnya, penggunaan media baru dari segi perhubungan, perniagaan, penyaluran makulmat dan berita, dan sebagainya. Ini dapat kita lihat dari segi penggunaan *facebook* dalam kehidupan seharian, dimana dikatakan bahawa lebih-kurang 59.25% masyarakat Brunei menggunakannya. Ini adalah satu daripada impak globalisasi terhadap cara hidup masyarakat masa kini yang bukan sahaja akan memberi kesan positif, tetapi juga yang negatif terhadap nilai dan tradisi masyarakat dalam kehidupan beragama dan bernegara.

Kesan negatif, misalnya, kehancuran dan kelunturan nilai-nilai tradisi masyakarat Brunei adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Oleh itu, sebagai usaha untuk mempertahankan warisan budaya dan cara hidup masyarakat tempatan daripada terancam dan terhapus oleh arus globalisasi masa kini, di negara Brunei Darussalam telah merancangkan dan melaksanakan perancangan jangka panjang yang beracuan Melayu Islam Beraja. Perkara ini terkandung dalam Wawasan Negara 2035, untuk berusaha mempertahankan tradisi ke-Brunei-an sebagai tunjang kehidupan serta menjadi tunggak dan perisai dalam menghadapi cabaran arus globalisasi dan penggunaan media baru masa kini.

Apabila negara Brunei Darussalam diisytiharkan sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat pada tahun 1984, maka Melayu Islam Beraja adalah merupakan kompenan penting yang mencorakkan cara hidup bermasyarakat dan bernegara yang menjadi amalan, dasar, prinsip, gagasan, pegangan, landasan dalam berfikir, bertindak, menilai, dan merancang keseluruhan hidup berbangsa, bernegara, dan berugama. Perkara ini jelas ternyata pula berdasarkan kepada Wawasan Negara 2035 yang menjadi panduan dan strategik perancangan jangka panjang negara Brunei Darussalam.

Kenyataannya, dalam memastikan kelangsungan nilai-nilai Melayu Islam Beraja dapat terus diamalkan di negara Brunei Darussalam, maka Sistem Pendidikan Negara (SPN) Abad 21 adalah memfokuskan intipati nilai-nilai Melayu Islam Beraja sebagai pewarna yang mencorakkan dasar pendidikan negara. Keseragaman dalam perlaksanaan dasar pendidikan di negara Brunei Darussalam adalah merupakan asas kepada kelangsungan cara hidup Melayu Islam Beraja, dengan hasrat supaya semua rakyat dan penduduk negara ini memahami dan menghayati nilai-nilai Melayu Islam Beraja sebagai asas perpaduan dan penyatuan rakyat Brunei (Haji Md Zain bin Haji Serudin, 1998).

Tidak kira apapun latar belakang ugama, budaya, kepercayaan, bangsa, dan taraf kedudukan sosialnya, Melayu Islam Beraja tetap menjadi satu mata pelajaran yang diajar dan wajib di sekolah-sekolah kerajaan dan swasta sehingga ke peringkat universiti. Dengan adanya proses penanaman nilai-nilai Melayu Islam Beraja, kita percaya bahawa kerukunan dan kedamaian hidup bermasyarakat akan terus wujud di negara Brunei Darussalam (Awang Mohd Jamil al-Sufri, 2008 dan 2009).

Bagi negara Brunei Darussalam, sejak pencapaian kemerdekaan pada 1hb Januari 1984, satu badan khas yang sekarang ini dikenali sebagai Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB) telah ditubuhkan atas titah perkenaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Majlis ini, yang dianggotai oleh Menteri-menteri Kabinet, Orang-orang Kenamaan, Orang Disampiri Gelaran, Timbalan-timbalan Menteri, dan Setiausaha-setiausaha Tetap, berjumlah 26 orang. Di antara peranan dan tugas MTMIB, sebagaimana yang telah dititah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah untuk melistari, menjelaskan, memandu, menyelaraskan, memberigakan, memantau, dan mengukuhkan corak kehidupan masyarakat Brunei yang berlandaskan Melayu Islam Beraja.

Bagi mencapai matlamat ini, MTMIB sebagai badan penyelaras dan juga penggerak utama dalam menganjurkan

semua aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan konsep Melayu Islam Beraja senantiasa berkerjasama dengan semua pihak, samada kerajaaan atau swasta. Kebanyakan kegiatan-kegiatan yang disusun dan diatur adalah bertujuan untuk meningkatkan dan mengukuhkan lagi kefahaman, pengamalan, dan penghayatan terhadap Melayu Islam Beraja.

Kenyataannya, perlaksanaan dan amalan cara hidup Melayu Islam Beraja dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara tidak lagi dipersoalkan oleh mana-mana pihak di negara Brunei Darussalam. Ini adalah kerana ianya satu warisan yang berakar-umbi sejak lebih 1,000 tahun yang lalu dan menjadi sumber identiti bangsa Brunei (Haji Abdul Hamid, 2005).

Sejarah telah membuktikan bahawa betapa pahitnya liku-liku perjalanan yang pernah dilalui oleh bangsa Brunei dalam mempertahankan cara hidup Melayu Islam Beraja, yang sentiasa cuba dihakis dan dilenyapkan oleh pengaruh dari luar dengan meresapkan satu pegangan baru yang memang bertentangan dengan nilai-nilai ke-Brunei-an (Duraman Tuah, 2001). Oleh itu, berdasarkan senario sejarah masa silam bahawa Raja dan Rakyat sentiasa berganding bahu untuk mempertahankan warisan tradisi ini untuk kelangsungan sebuah negara-bangsa Melayu Brunei.

Baginda Sultan sentiasa menekankan nilai-nilai ke-Islam-an dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara, supaya umat Islam di negara Brunei Darussalam memiliki sifat bersyukur dan bersabar menerima apa juga kurnia dan dugaan daripada Allah SWT (*Subahanahu Wa-Ta'ala*) sebagai senjata bagi mengharungi segala cabaran dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Sebagai contoh, dalam era globalisasi masa kini, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, negara-negara luar di dunia sentiasa menerima malapetaka dan bencana, yang mana sebenarnya itu adalah satu peringatan daripada Allah SWT kepada hamba-Nya yang tidak pandai bersyukur terhadap nikmat dan kurnia-Nya.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah menerima cabaran itu sebagai satu dugaan daripada Allah SWT dengan penuh kesabaran, kerana *qada* dan *qadar* itu datang daripada Allah SWT, misalnya bencana alam semulajadi seperti banjir, tsunami, tanah susur, taufan, kemarau panjang, penyakit aneh, dan sebagainya. Sebagai hamba Allah, kita tidak berkuasa untuk melawan kuasa-Nya, semaju manapun atau sekuat manapun kemajuan dan keampuhan teknologi buatan manusia hari ini, kita tidak akan mampu untuk menolak atau melawan ketentuan *qada* dan *qadar* Allah Yang Maha Pencipta lagi Maha Berkuasa.

Bencana, wabak, atau krisis-krisis dalam negara, semua itu adalah daripada ketentuan Allah SWT jua dan kita, sebagai hamba-Nya, hendaklah sentiasa bersabar dan menerima hakikat ini. Inilah merupakan satu pegangan dalam penghayatan cara hidup Melayu Islam Beraja sebenarnya. Sebagaimana Titah Baginda:

> Pada hemat beta, tidaklah berlaku sesuatu itu melainkan ada dengan sebab-sebabnya, termasuklah segala fenomena kejadian di muka bumi ini, ia tidak berlaku dengan sendirinya, sebagaimana yang disangkakan oleh setengah pihak.
>
> Ia berlaku dengan kehendak Allah jua, supaya timbul rasa insaf di hati manusia dan dengan segera akan bertaubat kepada-Nya. Inilah dia hikmah di sebalik kejadian-kejadian pahit tersebut.
>
> Perkara ini, rasa-rasanya, telah pun menjadi kenyataan kepada kita di bumi yang bertuah ini, Negara Brunei Darussalam, dimana dengan kurnia Allah jua, kita telah dan sedang menikmati keamanan, keselamatan, dan kemakmuran yang berpanjangan, yang tidak dinikmati oleh orang lain.[1]

Melayu Islam Beraja adalah cara hidup (*way of life*) ke-Brunei-an. Keadaan dan sifat hidup yang konsisten dalam sistem etika, politik, sosial, ekonomi, dan moral yang berinti dan berteraskan Islam. Satu warisan penting yang menjadi tunggak kepada kewujudan dan kelangsungan kehidupan bermasyarakat dan bernegara ialah nilai ketaatan pada Raja yang tidak pernah luntur. Berdasarkan agama dan adat, bangsa

[1]Lihat berita bertajuk "Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1433" dalam akhbar *Pelita Brunei*, Tahun 57 Bil.16 (Bandar Seri Begawan: 16 Februari 2012).

Brunei hendaklah senantiasa mentaati Raja sebagai *ulil ambri,* yang menjalankan amanah dan perintah Allah SWT (*Subahanahu Wa-Ta'ala*).

Oleh itu, sebagaimana peribahasa Melayu "di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung", maka rakyat dan penduduk negara Brunei Darusalam, tanpa mengira agama, adat, dan keturunan, adalah berkewajipan menuruti dan mentaati perintah pemimpinnya yang membawa kepada kebaikan dan kesejahteraan kehidupan bersama. Oleh itu, penyaluran maklumat dengan menggunakan media baru pada dewasa ini telah membantukan MTMIB (Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja) dalam melistari dan meyebarluaskan lagi amalan Melayu Islam Beraja dalam kehidupan seharian masyarakat Brunei.

Misalnya, titah perintah mengenai penutupan *premises-permises* perniagaan di seluruh negara pada setiap hari Juma'at, bagi membolehkan masyarakat Islam menunaikan sembahyang fardu Juma'at, telah diterima baik oleh keseluruhan rakyat Brunei (Haji Abdul Hamid, 2003). Malah, ketika Brunei bernaung di bawah Sistem Residen British, melalui perlaksanaan Undang-Undang *Mohamaden Laws* pada tahun 1912, sesiapa yang tidak menunaikan sembahyang fardu Juma'at dikenakan denda dalam bentuk kewangan, dimana berdasarkan perundangan tersebut, seorang Islam akan dikenakan denda sebanyak 50 sen setiap jika tidak menunaikan sembahyang fardu Juma'at setelah menerima surat amaran pertama dari Mahkamah Kadhi dan masih melakukan kesalahan tersebut buat kali kedua dan seterusnya.

Pada tahun 2012, sempena Sambutan Hari Raya Aidil Adha, Baginda Sultan telah bertitah, antara lain:

> Salah satu contoh paling tepat lagi mustahak untuk disegerakan dalam perkara membaiki imej bandar, dan malah negara seluruhnya, ialah pada Hari Juma'at, diwaktu atau jam yang bersesuaian, semua premis perniagaan bisai dah ditutup buat sementara waktu, sehingga selesai menunaikan sembahyang fardhu Juma'at.
>
> Penutupan ini, selain ia sendiri berunsur imej, ia juga akan mampu untuk mengubati penyakit "kuai-libai" setengah kalangan pemuda atau belia di pusat-pusat membeli belah atau di kaki-kaki lima, sedang orang-orang Islam lain sudahpun berada di masjid atau sedang bergerak ke masjid. Tidakkah, jika perkara ini dibiarkan sehingga berpanjangan, akan mencemarkan imej negara dan malah imej Islam sendiri?
>
> Oleh itu, langkah ini sangatlah wajar dan bahkan menepati tuntutan syara' untuk dilaksanakan. Syara' telah menggesa kita supaya segera menyahut panggilan "Sembahyang Juma'at" dan meninggalkan sementara urusan jual-beli sehinggalah selesai sembahyang tersebut. Manakala telah selesai sembahyang, kitapun disuruh pula untuk bertibaran semula di muka bumi bagi menjalankan urusan masing-masing. Lihat ayat 9 dan 10 surah Al-Jumu'ah dalam Al-Qur'an.[2]

Oleh itu, rakyat dan penduduk negara Brunei Darussalam sentiasa mensyukuri nikmat dan kesenangan yang dimiliki selama lebih 46 tahun Baginda Sultan bertakhta di atas singgasana sebagai lambang ketaatan pada Raja. Sifat dan sikap yang sentiasa bersyukur ini hendaklah ditanam dan disemai kepada generasi muda-belia Brunei yang bakal mengganti dan mewarisi bangsa Melayu Brunei pada masa akan datang secara berterusan. Ini dapat disosialisasikan bukan saja melalui pendidikan formal, bahkan informal, misalnya melalui penggunaan media baru masa kini.

MTMIB (Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja) memang senantiasa memantau dan mengawasi akan perkembangan ini. Kerajasama dengan pihak-pihak NGO (*Non-Governmental Organization* atau Badan Bukan Kerajaan) senantiasa dibuat dalam merancang dan melaksana beberapa akitiviti-aktiviti budaya, sosial, ekonomi, adat-istiadat, agama, kesukanan, dan kebeliaan yang melibatkan kepada penyebaran nilai-nilai Melayu Islam Beraja.

Agenda utama pihak kerajaaan,

[2]Lihat "Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya 'Idil Adha Tahun 1433 Hijrah / 2012 Masihi". *Naskah Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

khususnya MTMIB, ialah bekerjasama dengan semua kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan. Misalnya, dari segi agama Islam, apapun jua aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan namun nilai-nilai Islam tetap tidak dipinggirkan. Bagi menyahut titah Baginda Sultan, pendidikan agama Islam yang menjadi agenda utama pihak kerajaan, sebagaimana yang terkandung dalam Wawasan Negara 2035. Baginda dalam titahnya memperingatkan bahawa:

> [...] kerajaan beta sentiasa melihat, betapa pentingnya bidang agama diambil berat untuk mengekalkan kecemerlangan yang ada. Kerana itu, pendidikan dan pengajian ugama tidaklah pernah diabaikan, bahkan terus dipertingkatkan.[3]

Malah pendidikan agama itu tidak akan dianak-tirikan dalam dasar pendidikan negara Brunei Darussalam (Asbol bin Haji Mail, 2006). Ini adalah kerana ia sama pentingnya dengan pendidikan yang lain bagi melahirkan "insan Brunei" yang mempunyai kriteria yang diperlukan berasaskan kepada nilai-nilai taat beragama, beraja, dan semangat jatidiri yang kukuh berbudaya Melayu untuk mencapai matlamat yang terkandung dalam Wawasan Negara 2035.

Bagi mengekalkan ketamadunan negara-bangsa yang diwarisi ini akan terus subur, pendidikan dan pengasuhan belia-remaja dan generasi baru masa kini, dengan pendidikan agama dan budaya ke-Brunei-an, memang diambil perhatian yang berat oleh semua agensi kerajaan dan swasta. Belia adalah merupakan aset negara yang berharga dan merekalah yang akan menentukan nasib masa depan negara, yang turut memegang peranan penting untuk merealisasikan kewajipan-kewajipan besar mengangkat nama baik Islam serta melindunginya daripada diusik oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab.

Peranan seperti ini pernah dibuat dan diulukan oleh belia-belia daripada kalangan mereka yang beriman di zaman silam. Sebagai contoh, Rasulullah Nabi Muhammad SAW (*Salallahu 'Alaihi Wasallam*) sendiri, dari zaman belia, Baginda lagi sudah pun bekerja dan berjuang untuk Islam. Kemudian diikuti oleh para Sahabat Nabi, yang antaranya termasuk nama-nama besar, seperti Sayyidina 'Ali, Sayyidina Ma'az bin Jabal, Sayyidatina Asmaa' binti Abu Bakar RA (*Radiallahu Anhum*), dan ramai lagi. Belia-belia yang seperti inilah yang dirindui oleh dunia kita sekarang, khasnya dunia Islam, untuk membawanya keluar daripada kegelapan jahiliah moden yang sedang membelenggunya.[4]

Oleh itu, di negara Brunei Darussalam, dasar pendidikan negara, iaitu SPN-21 atau Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (Ampuan Haji Tengah, 2013), memang terjelma didalamnya bagi melahirkan insan Brunei yang berkualiti, tebal dengan semangat Melayu Islam Beraja. Sebagaimana harapan Wawasan Negara 2035, Brunei Darussalam dihasratkan akan dikenali di seluruh dunia dengan rakyatnya yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi, dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan beracuan Melayu Islam Beraja.

Untuk mencapai wawasan itu, nilai-nilai Islam, bersatu dalam kesetiaan kepada Raja dan tradisi bangsa Melayu Brunei, ke arah memelihara keharmonian sosial dan mengamalkan tradisi berbaik-baik dalam kehidupan bermasyarakat (Haji Ibrahim, 2003). Baginda Sultan telah mengingatkan kepada pihak-pihak berkenaan, khususnya dalam bidang pendidikan seperti Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, dan sebagainya, supaya kursus dan program yang dijalankan hendaklah memelihara dan mengekalkan identiti Brunei. Semua ini hanya akan tercapai melalui kesepaduan dalam pendidikan, yang juga tidak meminggirkan pendidikan agama dalam dasar pendidikan negara SPN-

[3]Lihat pula "Titah Kebawah Duli di Majlis Haflut Takharruj Pertama 2011, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)" dalam akhbar *Pelita Brunei*, Tahun 55, Bil. 133 (Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 5 November 2011).

[4]Lihat "Titah di Majlis Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara, Kali ke-5 Tahun 1432 Hijriah / 2011 Masehi" dalam akhbar *Pelita Brunei*, Tahun 56, Bil.121 (Bandar Seri Begawan: 8 Oktober 2011).

21 (JPK, 2009). Sebagaimana Titah Baginda seperti berikut:

> Selain dari kualiti pembelajaran, para pelajar juga hendaklah dilengkapkan dengan kualiti rohani dan nilai-nilai keperibadian yang berteraskan "Melayu Islam Beraja". Tetapi, ini janganlah bermain di bibir sahaja tanpa mengotakannya. Di bibir itu memang lazimnya indah, tetapi belum tentu dalam bentuknya yang nyata.
>
> Dalam usaha menghasilkan generasi berkualiti ini, pendidikan adalah teras utama. UBD (Universiti Brunei Darussalam), melalui Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang telah dinaik-taraf menjadi sebuah *Graduate School*, adalah berperanan untuk melahirkan tenaga pengajar atau guru-guru yang berkualiti. Peranan ini mestilah ditunaikan dengan sebaik-baiknya, sebagai amanah untuk melahirkan generasi masa depan yang cemerlang.[5]

Pendidikan, sama ada formal atau tidak formal, memang memainkan peranan yang penting, bukan sahaja asas ke arah perpaduan hidup masyarakat di Brunei, malah juga membantu dalam perkembangan dan kemajuan di bidang ekonomi dan sosial dalam mengukuhkan lagi kestabilan politik dalam kehidupan bermasyarakat. Misalnya, dalam Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan ke-4 MMN (Majlis Mesyuarat Negara) pada 4 Mac 2008, Baginda Sultan menekankan tentang kepentingan pendidikan dalam ekonomi Negara. Baginda bertitah seperti berikut:

> Beta berharap, dengan Wawasan Negara 2035, tujuan untuk menjadikan orang-orang Brunei berpengetahuan tinggi lagi berkemahiran akan berjaya dicapai. Demikian juga ekonomi yang berdaya tahan dan dinamik, yang menjadi matlamat utama negara, akan juga dapat dinikmati (dalam *Pelita Brunei*, 5/3/2008).

Ini merupakan tugas dan tanggungjawab semua rakyat dan penduduk negara Brunei Darussalam untuk menghadapi cabaran arus globalisasi masa kini bagi menjayakan Wawasan Negara menjelang tahun 2035, yang juga beracuankan Melayu Islam Beraja. Dengan adanya perencanaan yang penuh teliti dan teratur, serta melibatkan semua agensi kerajaan dan swasta, akan memberi satu harapan dan keyakinan kepada generasi muda masa kini dan akan datang, yang akan mengambil-alih tanggungjawab untuk menerajui hal-ehwal negara dalam meneruskan warisan tradisi bangsa Brunei.

[5]"Titah Baginda di Majlis Kemuncak Sempena Sambutan Penubuhan Universiti Brunei Darussalam ke-25 Tahun" dalam akhbar *Pelita Brunei* (Bandar Seri Begawan: 17 Oktober 2011).

KESIMPULAN

Cara hidup MIB (Melayu Islam Beraja) adalah penentu dan penjamin survival negara Brunei Darussalam pada masa akan datang melalui perlaksanaan sistem pendidikan, sama ada formal atau tidak formal. Dengan mengekalkan identiti negara ini sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja, peluang bangsa Brunei untuk menyerlah dan cemerlang dalam semua bidang akan terbuka luas, khususnya dalam era globalisasi yang penuh dengan persaingan.

Oleh itu, Melayu Islam Beraja sebagai kesinambungan sejarah bangsa Brunei adalah asas perpaduan kehidupan bermasyarakat dan bernegara bagi kejayaan ke arah Wawasan Negara 2035.

Bibliografi

Ampuan Haji Tengah, Ampuan Haji Brahim bin. (2013). "Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21: Isu dan Cabaran di Brunei Darussalam" dalam *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6(2) November. Bandung: Minda Masagi Press. Tersedia [online] juga di: www.sosiohumanika-jpssk.com [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 5 Mac 2014].

Asbol bin Haji Mail, Haji Awg. (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950 – 1985.* Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

Awang Mohd Jamil al-Sufri, Pehin Haji. (1992). *Liku-liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.* Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Bunei.

Awang Mohd Jamil al-Sufri, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji. (2008). *Melayu Islam Beraja: Hakikat dan Hasrat.* Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

Awang Mohd Jamil al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji. (2009). *Satu Pemikiran Mengenai Corak Pendidikan untuk Brunei Darussalam Berasaskan Islam: Melalui Pengalaman dan Sejarah*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.

Awg Yahya bin Haji Ibrahim, Pehin Ustaz Haji. (2000). *Sejarah dan Peranan Institusi-institusi Melayu Islam Beraja.* Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.

Berita bertajuk "Titah di Majlis Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara, Kali ke-5 Tahun 1432 Hijriah / 2011 Masehi" dalam akhbar *Pelita Brunei*, Tahun 56, Bil.121. Bandar Seri Begawan: 8 Oktober 2011.

Berita bertajuk "Titah Baginda di Majlis Kemuncak Sempena Sambutan Penubuhan Universiti Brunei Darussalam ke-25 Tahun" dalam akhbar *Pelita Brunei.* Bandar Seri Begawan: 17 Oktober 2011.

Berita bertajuk "Titah Kebawah Duli di Majlis Haflut Takharruj Pertama 2011, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)" dalam akhbar *Pelita Brunei*, Tahun 55, Bil.133. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 5 November 2011.

Berita bertajuk "Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1433" dalam akhbar *Pelita Brunei*, Tahun 57 Bil.16. Bandar Seri Begawan: 16 Februari 2012.

Duraman Tuah, Haji. (2001). *Membangun Negara Berdasarkan Falsafah Melayu Islam Beraja: Brunei Darussalam.* Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: Institut Perkhidmatan Awan.

Haji Abdul Hamid, Haji Hashim. (2003). *Islam di Brunei Darussalam: Satu Analisis Sosio-Budaya.* Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: Jabatan Kesusasteraan Melayu UBD [Universiti Brunei Darussalam].

Haji Abdul Hamid, Haji Hashim. (2005). *Tamadun Brunei: Suatu Dinamika Budaya dan Ketuanan Melayu*. Bandar Seri Begawan: Tanpa Penerbit.

Haji Ahmad, Zaini. (1989). *Pertumbuhan Nasionalisme di Brunei (1939-1962.)* Kuala Lumpur: ZR Publications.

Haji Ibrahim, Haji Abd Latif. (2003). *Melayu Islam Beraja: Pengantar Huraian.* Brunei: Akademi Pengajian Brunei UBD [Universiti Brunei Darussalam].


Haji Md Zain bin Haji Serudin, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz. (1998). *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

JP [Jabatan Penerangan] Brunei Darussalam. (2009). *Kumpulan Titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.* Bandar Seri Begawan: Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam.

JPK [Jabatan Perkembangan Kurikulum]. (2009). *Kerangka dan Panduan bagi Kurikulum dan Penilaian Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21.* Bandar Seri Begawan: Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Pelita Brunei [akhbar]. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 5 Mac 2008.

"Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya 'Idil Adha Tahun 1433 Hijrah / 2012 Masihi". *Naskah Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



KDYMM Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
(Sumber: www.google.com, 9/10/2013)

Bagaimanapun, dengan sokongan KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) dan tanggungjawab semua rakyat Brunei Darussalam, maka SPN21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21) akan dapat mencapai tujuan dan matlamatnya, khususnya dalam memelihara dan memperkukuhkan falsafah negara Melayu Islam Beraja tersebut di negara Brunei Darussalam.